

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL
KAWASAN : KUALA KEDAH
TARIKH : 10.6.2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 73

YB DR. AZMAN BIN ISMAIL (KUALA KEDAH) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada benar pelaburan Malaysia di Iran dan Iraq terjejas akibat daripada sikap Kerajaan Malaysia dalam isu Syiah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Kementerian ini tidak mengawal pelabur Malaysia daripada membuat pelaburan di luar negeri dan pelabur Malaysia tidak perlu melapor kepada Kementerian ini tentang rancangan pelaburan mereka. Namun begitu dari perangkaan Jabatan Statistik Malaysia, pelaburan langsung Malaysia di Iran dan Iraq berjumlah RM2.5 bilion pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak 5.6% dari nilai pelaburan dari tahun 2012.

Daripada maklumat yang ada pada Kementerian, pelabur Malaysia kurang aktif di Iran berikutan pelbagai sekatan ekonomi yang dikenakan ke atas Iran oleh PBB dan negara-negara kuasa besar (*unilateral sanctions*).

Namun begitu pelabur Malaysia sedang giat meninjau peluang-peluang pelaburan berikutan-pembangunan ekonomi Iraq yang semakin pulih. Sektor yang menjadi tumpuan syarikat Malaysia di Iraq ialah minyak dan gas, pembangunan infrastruktur dan harta tanah selaras dengan program pemulihan ekonomi kerajaan Iraq. Buat masa ini, pelabur Malaysia terbesar di Iraq adalah PETRONAS.

Oleh yang demikian Kementerian ini tidak dapat mengatakan dengan pasti samada isu Syiah ini mempunyai impak ke atas pelaburan Malaysia sedia ada di Iran dan Iraq. Setakat ini, Kementerian tidak mendapat sebarang maklumat ataupun aduan daripada pelabur-pelabur Malaysia yang beroperasi di Iran dan Iraq yang timbul dari pendirian Kerajaan Malaysia di dalam isu Syiah.